



Headline: Masyarakat perlu peka penipuan dalam talian
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 17 October 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 13

Masyarakat perlu peka penipuan dalam talian

Isu scammer atau penipu siber menjadi bualan hangat di kalangan netizen sejak kebelakangan ini. Banyak penipuan dalam talian dilaporkan seperti Macau Scam, penipuan pinjaman dan pelaburan, *Love Scam* dan juga kegiatan keldai akaun.

Terbaru, kes penipuan membabitkan golongan berpengaruh mendapat liputan media hampir setiap hari. Pendedahan mengenai tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menjalankan siasatan seperti pembekuan akaun bank dan menyita aset individu terbabit menimbulkan pelbagai spekulasi dalam kalangan masyarakat.

Umum mengetahui kegiatan penipuan siber ini penganiayaan terhadap mangsa membabitkan jumlah wang yang banyak.

Mangsa yang terpedaya dengan healah ini terdiri pelbagai peringkat umur dan pekerjaan. Antara modus operandi digunakan dalam usaha memanipulasi mangsa seperti ugutan dan tekanan.

Justeru, keadaan ini menyebabkan mangsa terpaksa mengikut kehendak penipu siber dengan memberi maklumat diminta.

Pelbagai inisiatif dijalankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menanga-

ni kegiatan ini seperti menyediakan platform semakan nombor telefon dan nombor akaun bank scammer melalui website <http://ccid.rmp.gov.my/semak-mule>.

Semakan juga boleh dilakukan melalui dalam talian dengan menghubungi talian maklumat Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) 013-2111222 serta melalui laman Facebook *Cyber Crime Alert RMT*.

Langkah ini diambil bagi memudahkan rakyat memeriksa maklumat penipu siber sebelum membuat sebarang transaksi.

Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa dan penting untuk kita ketahui bahawa pihak berkuasa tidak berurusan melalui panggilan telefon sepertimana dilakukan scammer.

Seharusnya kita lebih berhati-hati dengan tidak memberi maklumat peribadi kepada individu yang tidak dikenali. Ia penting bagi mengelakkan kita daripada menjadi mangsa kegiatan tidak bermoral ini.

Nursuhaila Ibrahim,
Universiti Teknologi MARA Johor

